

PEMBANGUNAN ETOS BUDAYA ETNIK MELAYU MENGHARUNGI PEMODENAN

Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Aziz
Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kertas ini membicarakan etos budaya etnik Melayu dan usaha yang dilakukan sejak sebelum merdeka hingga hari ini untuk merobahnya supaya bersesuaian dengan aspirasi pembangunan dan pemodenan. Kertas ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama, membicarakan tentang latarbelakang pertumbuhan etos budaya pemodenan yang pertama kali dicetuskan oleh Abdullah Munsyi. Kemudian, wacana ini diteruskan oleh intelektual seperti Syed Sheikh AlHadi, Za'ba, dan Abdul Rahim Kajai. Kesemua intelektual Melayu tersebut menyimpulkan bahawa etnik Melayu perlu melakukan perubahan, jika tidak mereka akan tertinggal dari arus kemajuan yang sedang dan akan dikecapi oleh etnik-etnik lain. Bahagian kedua, membentangkan saranan-saranan yang dianjurkan oleh Za'ba seorang tokoh pemimpin dan intelektual Melayu yang menulis rencana dalam suratkhbar menyeru orang Melayu supaya mengubah nilai, sikap dan cara mereka menjalani kehidupan. Bahagian ketiga, membicarakan tentang analisis dan anjuran pemimpin dan intelektual Melayu supaya orang Melayu menyesuaikan budaya kehidupan mereka dengan arus pembangunan dan pemodenan. Terdapat dua buah buku yang berpengaruh dilahirkan pada zaman ini, iaitu Revolusi Mental dan The Malay Dilemma. Kertas ini menyimpulkan bahawa etos budaya Melayu bukan semuanya "tidak sesuai" dengan arus pembangunan dan pemodenan yang diperkenalkan. Malah kerana etos budaya Melayu yang demikian itulah Malaysia kini mengecapi keamanan dan ketenteraman, sehingga etnik-etnik lain dapat hidup berdampingan. Walaupun begitu, sebagai sebuah etnik teras orang Melayu perlu mengorak langkah untuk membangunkan kehidupan yang lebih kukuh dari segi pencapaian pendidikan, kecekapan pengurusan, penglibatan dalam perniagaan dan perdagangan dan sebagainya. Melalui cara itu orang Melayu akan lebih dihormati dan diperkukuhkan sebagai etnik definitif dan inti.

PENGENALAN

Kertas ini adalah mengenai etos budaya orang Melayu mengharungi proses pembangunan negara. Secara etimologi dan maknawi, kata "etos" berasal dari bahasa Yunani dari kata "ethos" yang bererti sikap, keperibadian, watak, karakter, serta keyakinan atas sesuatu. Etos tidak hanya dimiliki oleh individu, kelompok, masyarakat bahkan bangsa. Usaha pembangunan orang Melayu diukur daripada darjah pemodenan yang dicapai oleh mereka. Ukuran pencapaian tahap moden dalam pembangunan adalah satu daripada pendekatan dalam pengajian pembangunan yang satu ketika dahulu (Perang Dingin antara USA dan USSR/ Perang Dingin Ideologi Kapitalisme dengan Komunisme) menjadi bahan wacana popular. Kemudian ketika memuncaknya wacana pembangunan di negara-negara dunia ketiga dan kebuntuan masukan baru agenda pemodenan, memuncak pula kepopularan pendekatan pergantungan atau struktural. Tetapi, sejak kejatuhan komunisme di Russia dan beberapa negara lain pendekatan pemodenan mulai diguna pakai semula.

Pembangunan yang terancang mulai dilaksanakan setelah negara ini mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Sebelum merdeka, penjajah British telah melaksanakan pembangunan, tetapi pembangunan yang lebih tertumpu untuk kepentingan eksploitasi ekonomi. Namun begitu, harus diakui bahawa idea pembangunan yang diguna pakai sehingga hari ini adalah bermula dari penemuan-

penemuan dari Barat. Justeru itu, proses pembangunan yang berjalan di negara-negara bekas jajahan seringkali dikaitkan dengan “pembaratan” dan “pemodenan”.

Namun begitu, bagi kita di Malaysia arah tuju pembangunan negara telahpun dijelaskan oleh Perdana Menteri Malaysia Keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad apabila beliau mengatakan “Pemodenan bukanlah Pembaratan, bukan Penjepunan, bukan Pentimuran, dan bukan juga Pengasiasaan.” Tetapi, tegas beliau “Mestilah merupakan bumi moden yang tersendiri” (1997: 3). Pemodenan Malaysia bagi ahli akademik didefinisikan dalam ruang lingkup perkembangan kerasionalan dan penggunaan sains dan teknologi dalam kehidupan masyarakat (Alatas, 1972; Shahrudin, 1992; Rahimah, 1997).

Berdasarkan ukuran pemodenan bercirikan jenis unggul (ideal types) antara “tradisi” dan “modeniti” pemimpin dan intelektual Melayu telah menganalisa kehidupan bangsanya. Jenis unggul masyarakat moden adalah, industri; bandar; kompleks; pengkhususan; rasional; saintifik; kerja berencana; dan sebagainya. Selagi orang Melayu belum mencapai jenis unggul tersebut selagi itulah pemimpin dan intelektual Melayu akan menyuarakan kritik-kritik untuk membangunkan minda, jiwa, jasad dan seluruh tingkahlaku untuk membawa orang Melayu menikmati keadaan yang lebih selesa, maju dan bahagia. Malah jika diperhatikan hasrat Perdana Malaysia Kelima, Dato’ Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi mengenai “Islam Hadhari”, yang diperkenalkan pada awal tahun 2004, juga masih selari dengan niat pemodenan. Dalam bahasa mudah, Islam Hadhari adalah Islam yang menekankan pembangunan seimbang antara zahir dan batin serta rohani dan jasmani. Landasannya, masih lagi berusaha untuk membawa orang Melayu kepada keadaan kehidupan yang lebih berpijak pada bumi nyata dengan indeks pendapatan yang tinggi, rumah yang lebih selesa, bergerak aktif sebagai pekerja profesional, melakukan pekerjaan dengan bantuan teknologi, pendidikan anak-anak pada ilmu pengetahuan yang membawa pulangan besar, berakhlak mulia, dan sebagainya.

Bertolak dari kefahaman yang dinyatakan, kertas ini akan menyelusuri saranan para pemimpin dan intelektual Melayu mengenai undangan kepada idea pemodenan dan cara hidup moden. Selanjutnya, kertas ini akan membicarakan tentang, kritik dan perbandingan mengenai etos budaya etnik Melayu. Kritik yang diutarakan adalah berdasarkan pengamatan terhadap kehidupan bangsa yang lebih maju. Kritik pula dapat diutarakan oleh pemimpin dan intelektual Melayu kerana kepekaan dan keupayaan mereka melakukan perbandingan. Melalui perbandingan lahir idea baru untuk membangunkan bangsa. Secara khusus bahagian kedua kertas ini akan mengupas idea Za’ba mengenai, saranan-saranan etos budaya pembangunan dan pemodenan. Za’ba adalah tokoh Melayu yang terawal mengemukakan idea pemodenan supaya orang Melayu tidak ketinggalan.

LATAR PERTUMBUHAN ETOS BUDAYA PEMODENAN

Pembicaraan tentang etos budaya Melayu yang berkait dengan pemodenan bermula dari penyingkapan yang dilakukan oleh Abdullah Munshi pada akhir abad ke 19 iaitu ketika bermulanya pertapakkan British di Singapura. Ketika itu Abdullah Munshi melihat orang Melayu dari kacamata British (seorang yang telah celik fikirannya akibat pertembungan budaya). Abdullah Munshi menganggap kemiskinan orang Melayu berpunca daripada tidak adanya kepimpinan dan pendidikan yang diberikan oleh golongan feudal Melayu. Golongan feudal hanya mementingkan diri dan keluarga, akibatnya mereka melakukan penindasan kepada rakyat jelata, sehingga rakyat jelata tidak ada daya untuk berusaha memajukan kehidupan (Abdullah Munshi, 1965; Shahrudin, 1988; Abdul Rahman Embong, 1999).

Pada pengamatan Abdullah Munshi, jika orang Melayu inginkan kemajuan, mereka seharusnya melepaskan diri daripada cengkaman feudal, menganut nilai-nilai moden dan rasional yang dibawa oleh British, dan berpegang teguh pada ajaran Islam yang sebenar-benarnya. Abdullah Munshi juga mahukan orang Melayu melepaskan minda mereka daripada pemikiran khurafat dan tahyul. Disamping itu, seperti tokoh-tokoh Melayu yang lahir kemudian, Abdullah Munshi juga memberikan perhatian pada pendidikan. Dalam “Hikayat Abdullah” (Shellabear, 1947: 15) beliau mengatakan:

Adapun ilmu dan kepandaian itu menjadi tangga kepada pangkat kekayaan, dan kekayaan itu membawa kepada kebesaran, maka bahawasanya segala benda yang dijadikan Allah dalam dunia ini masing-masing adalah dengan harganya iaitu dapat dinilai oleh manusia: melainkan ilmu itulah sahaja yang tiada ternilai oleh manusia akan harganya.

Perbincangan tentang kemunduran Melayu telah juga mendapat tempat pada abad ke 20. Bermula dari Syed Sheikh Al-Hadi, Za'ba, Abdul Rahim Kajai, Tun Abdul Razak Hussein, Ungku Aziz, Senu Abdul Rahman sehinggalah kepuncaknya ditangan Dr. Mahathir Mohamad.

Syed Sheikh Al-Hadi melihat bahawa punca kemunduran orang Melayu adalah kerana singkatnya pemahaman mereka terhadap Islam, tidak mengamalkan ijtihad dan hanya bertaqlid buta pada ajaran Islam. Za'ba pula melihat kemunduran orang Melayu berpunca dari kelemahan peribadi yang dicerminkan kepada dua bentuk kemiskinan, iaitu kemiskinan otak yakni kurangnya pendidikan dan kemiskinan perangai. Kemiskinan perangai membawa implikasi kepada kurangnya semangat berdikari, suka mendapat kesenangan tanpa usaha, tidak tekun, mudah jemu dan tawar hati, tidak menjaga waktu, lemahnya kemahuan, cita-cita, dan tidak dapat menentukan tujuan hidup (Abdullah Hussein dan Khalid Hussain, 1974: 185-220; Ungku Aziz, 1975; Hamdan Hassan, 1980).

Berbeza dari Abdullah Munsyi, Syed Sheikh Al-Hadi dan Za'ba, Abdul Rahim Kajai melihat kemiskinan orang Melayu adalah berpunca daripada himpitan, asakan, penipuan, penginayaan dan pengkhianatan yang dilakukan oleh penjajah dan kaum pendatang pada setiap masa. (Abdul Latif Abu Bakar, 1984: 106). Mereka mengambil kesempatan dari kebaikan dan ketulusan orang Melayu, malah melalui keperibadian Melayu yang baik, lembut, tidak kisah, tidak apa itulah mereka masuk untuk melakukan manipulasi dan eksploitasi. Strategi yang mereka gunakan juga termasuklah menggunakan 'simbol' Islam seperti persaudaraan Islam tanpa mengira etnik untuk menghenyak orang Melayu. Justeru itu Abdul Rahim Kajai menyeru orang Melayu untuk memperbaharui kefahaman mereka terhadap Islam, membasmi taqlid buta serta mengembangkan amalan ijtihad untuk menghapuskan kekolotan fikiran di kalangan orang Melayu.

SARANAN MENGENAI ETOS BUDAYA PEMBANGUNAN DAN PEMODENAN

Za'ba telah menyuntikkan pemikiran di dalam petikan di bawah ini sebagai saranan untuk memperbaiki kehidupan orang Melayu yang hidup dalam keadaan penuh kemiskinan itu. Katanya:

Bahawasanya keselamatan orang-orang Melayu ini pada pihak jalan kehidupannya (pencariannya) dan pada pihak perangai-perangai yang kekurangan itu hanyalah boleh didapati pada satu jalan sahaja, iaitu diubah kemiskinannya yang pada pihak otak itu – yakni kemiskinan pengetahuannya – dengan jalan diberi mereka itu pelajaran-pelajaran daripada jenis yang betul. Maka disitulah, dan disitulah sahaja boleh didapati keselamatan ini, tiada pada lainnya.

Za'ba menganjurkan “Jalan keselamatan bagi orang Melayu” telah mengesyorkan orang Melayu supaya pertama, memperjuangkan hak mereka untuk mendapatkan sistem pelajaran yang betul. Kedua, penyalarsan tenaga serta wang modal melalui gerakan kerjasama atau koperasi.

Za'ba menyakini jika kedua-dua dilakukan iaitu, “pelajaran yang betul” dan “koperasi atau syarikat kerjasama” maka nasib orang Melayu akan terbela. Berdasarkan dua pandangan induk di atas, elok kiranya kita perhatikan kupasan lanjut Za'ba mengenai kedua-dua perkara yang dinyatakan. Za'ba memulakan karangannya yang berjudul “Jalan keselamatan bagi orang Melayu” dengan menyatakan:

Bahawa bekerja sama-sama (bersatu dan tolong-menolong), menolong diri sendiri, dan berusaha kuat-kuat sendiri – itulah sebenar-benarnya asas dan tapak tempat berdiri segala keselamatan bagi orang-orang Melayu ini. Sungguhpun demikian tetapi tempat

yang pertama dan yang terbesar sekali hendaklah juga dikhaskan bagi pelajaran walau dalam sebarang apapun peraturan dan usaha bagi keselamatan orang-orang Melayu itu (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 57).

Za'ba menganjurkan pada orang Melayu untuk merenungi dan mengambil kesempatan dari institusi baru yang diperkenalkan di Tanah Melayu ketika itu iaitu koperasi atau syarikat kerjasama. Di samping itu, Za'ba juga dapat melihat kepentingan syarikat kerjasama ini dalam ertikata pembahagian buruh dalam masyarakat (division of labour in society). Melalui syarikat kerjasama dan pembahagian buruh orang Melayu akan dapat saling melengkapi dalam kehidupan mereka sebagai sebuah masyarakat yang utuh. Untuk ini Za'ba mengatakan:

Sanya tiadalah siapa pun boleh menidakkan bahawa bekerja ramai-ramai atau sama-sama tolong-menolong itu sekurang-kurangnya dengan pengertiannya yang lazim difahamkan iaitu bersatu dan bersekutu bekerja sama-sama atas kaedah berbahagi pekerjaan, masing-masing menyempurnakan bahagiannya seorang sedikit, kelak menghasilkan kebajikan umum yang sehabis-habis besar bagi orang Melayu ini istimewa jika yang bersatu bekerja sama-sama itu di antara bahagian-bahagian mereka yang ada berpelajaran sebanyak sedikit itu (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 58).

Seruan Za'ba adalah supaya orang Melayu itu mengambil kesempatan atas rancangan pentadbiran penjajah untuk menubuhkan syarikat kerjasama kerana, "orang-orang Melayu ini jika mereka berhajat hendak mengangkat diri mereka ke tempat yang tinggi daripada kerendahannya dan kehinaannya (kebangsatannya) yang menggelumangi mereka sekarang ini" (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 58 - 59). Namun begitu penekanan Za'ba bagi jalan keselamatan orang Melayu masih diletakkan pada pelajaran. Za'ba menjelaskan kenapa pelajaran?

Tetapi walau barang ke pihak mana pun dihalakan segala usaha dan ikhtiar hendak memajukan Melayu itu melainkan pelajaran hendaklah juga dijadikan "kalimah syahadat" yang awal pertama sekali hendak dikirakan dan diletakkan daripada lain-lain oleh sebarang kumpulan "bekerja sama-sama" yang demikian itu. (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 60).

Za'ba terlalu berkehendakkan pelajaran jenis yang betul diberikan pada orang Melayu kerana bagi beliau orang Melayu itu terlalu muda dan "budak mentah benar" jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa besar yang maju dan telah tinggi kedudukannya sekarang ini. Justeru itu, memberikan pelajaran pada orang Melayu adalah tanggungjawab pihak yang berkuasa pada mereka ketika itu. Za'ba yakin jika orang Melayu tidak diberikan pelajaran jenis yang betul, orang Melayu tegasnya:

[Tiadalah] jalan bagi mereka itu hendak terlepas keluar daripada kepapaan perangai dan kepapaan alat-alat otak ... Maka selagi mereka tiada terlepas daripada cengkaman kedua-dua sifat kekurangan yang melenturkan segala anggota kebangsaannya ini – terutama kepapaan pihak perangai itu – nescaya sia-sialah juga kita menanti-nanti, bahkan walau mengharap-harap sahaja pun, yang mereka akan dapat keluar dengan secukupnya daripada lubuk kepapaan dan kegagahan pada pencariannya, perusahaannya, perniagaannya dan pengetahuan otaknya, iaitu lubuk yang tengah menelan mereka sekarang ini (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 60).

Natijah yang dapat kita ambil daripada hujah-hujah Za'ba adalah perlunya orang Melayu diberikan pelajaran jenis yang betul. Melalui pelajaran barulah dapat dibina sikap koperatif antara mereka. Za'ba juga kelihatan cenderung pada pembahagian kerja dalam masyarakat Melayu kerana melaluinya akan dapat dibina rangkaian yang dapat membesarkan lagi usaha-usaha. Penegasan Za'ba adalah tertumpu pada pelajaran yang membentuk keperibadian yang baik dan diredhai Allah SWT dan pelajaran yang dapat memberikan kemahiran biasa dan kemahiran tinggi pada orang Melayu, bukannya seperti yang dilakukan oleh penjajah Inggeris ketika itu hanya untuk menjadikan anak-anak Melayu lebih baik sedikit daripada ibubapa mereka. Malah yang benar-benar dihajati oleh penjajah

Inggeris adalah untuk memberi pengetahuan setakat menguasai 3M – membaca, menulis, dan mengira.

Za'ba menegaskan bahawa “perubahan-perubahan yang besar-besarnya hanyalah boleh dihasilkan dengan persatuan, tetapi persatuan itu jika tiada berserta dengan pengetahuan tiadalah berguna, dan pengetahuan sahaja dengan tiada persatuan tiadalah kuasa dan kekuatan sekali-kali” (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 62). Kedua-dua perkara ini telah dibincangkan pada bahagian di atas. Tumpuan dibahagian ini adalah untuk memperkatakan mengenai skop pembicaraan Za'ba mengenai “kemiskinan perangai”. Za'ba mengatakan bahawa “kemiskinan perangai” iaitu kemiskinan yang menggalang sangat-sangat akan kemajuan orang Melayu. “Kemiskinan perangai” itu ditakrifkan oleh Za'ba sebagai “kemiskinan pada sifat-sifat keperangaian dan kelakuan yang mulia-mulia yang bersatu menjadikan sesuatu kaum itu besar dan tinggi di dalam dunia ini” (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 62).

Dari sudut pandangan Za'ba orang Melayu sememangnya miskin behubung dengan perangai mulia yang menjayakan kehidupan ini. Pada pemerhatian Za'ba:

Maka kemiskinan kita pada pihak itu bukanlah sahaja tentang satu atau dua atau tiga empat perkara daripada sifat-sifat itu, tetapi ialah tersangat banyak daripadanya yang kita kekurangan, bahkan bukan kekurangan melainkan miskin dan papa karam sekali-kali daripadanya (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 62).

Za'ba menegaskan bahawa perangai-perangai berikut adalah diperlukan untuk menjadi penyelamat bangsa Melayu ketika itu dan juga ketika-ketika akan datang. Perangai-perangainya ialah:

1. **Self-Reliance** – “iaitu perangai bergantung pada diri sendiri, perangai sombong persendirian diri sendiri yang merdeka daripada bantuan orang atau naungan orang, perangai menghinakan atau tiada mahu menerima pertolongan orang, perangai suka membuat barang sesuatu dengan kuat kudrat diri sendiri” (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 62).
2. **Perseverance** – “tugas hati dan teguh cita-cita tiada mudah terbantut hati apabila terhadap kepada yang payah-payah sedikit, tekun dan tetap pada sesuatu pekerjaan hingga sampai sempurna sudah walau beberapa susah sekalipun, tiada mudah jemu atau tawar hati, bersungguh-sungguh pada apa yang dibuat dan yang telah dimulakan” (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 63).
3. **Sense of Responsibility** – “mengenal dan menerima akan tanggungan diri sendiri, tiada mudah meletakkan sesuatu keberatan atau tanggungan di atas bahu atau tengkok orang lain” (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 63).
4. **Sense of Duty** – “sedia menyempurnakan kerja-kerja tanggungan diri atau kewajipan-kewajipan yang patut kita menyempurnakan dengan secukup sempurnanya supaya jangan mensia-siakan harapan orang” (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 63).
5. **Punctuality** – “menepati masa yang ditetapkan, menimbang dan menyukat waktu, menghargakannya dan menggunakan tiap-tiap bahagiannya dengan penggunaan yang berjasa” (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 63).
6. **Industry** – “rajin usaha dan kuat bekerja, kuat berbanting tulang dan berbanting kepala”. Jimat cermat dan mengirakan esok lusa, perangai amanah, benar, menepati janji dan menyempurnakan sanggupan-sanggupan yang telah diaku (ialah kepala segala perangai baik-baik bagi kejayaan manusia). Sifat-sifat keperangaian jadi pemimpin dan kepala atau ikutan orang ramai dalam sesuatu pekerjaan (seperti berani yang berakal, pandai menimbang, memustuskan fikiran, lekas mendapat ikhtiar apabila berhadapan dengan sesuatu kesempatan, pandai meletakkan masing-masing orang yang layak bagi

tempatya, pandai mengambil hati dan bersifat bertimbangrasa) (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 63).

7. **Self-Sacrifice** – “rela mengorbankan diri dan harta dan kesenangan bagi faedah orang lain. Tegas Za’ba, biarlah aku mati asalkan dia selamat” (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 63).
8. **Public Spirit** – “suka mengambil berat akan hal-hal yang mengandungi kebajikan bagi muslihat am, kemahuan dan cita-cita yang tinggi, perasaan Habal Allwatan yang luas, berfikir yang tinggi, tujuan-tujuan hidup yang layak dan mulia” (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 63).

Bagaimana untuk memperbaiki diri orang Melayu yang dikatakan “kemiskinan perangai” itu? Za’ba mengesyorkan:

Maka ubat penyembuh yang sudah tentu mustajab dan lekas sekali akan menyembuhkannya itu ialah boleh didapati pada hasiat-hasiat penyembuh yang tiada mungkin yang terkena wang di dalam pelajaran-pelajaran jenis yang betul. Kerana dengan jalan membaca kitab-kitab dan karangan-karangan yang berharga, menghidap dan memesrakan ke dalam hati akan fikiran-fikiran yang baharu, mengetahui akan hal ehwal dunia ini akan fikiran-fikiran yang baharu, mengetahui akan hal ehwal dunia ini dengan pengetahuan yang diperolehi daripada ilmu geografi dan tawarikh dan lain-lainnya itu tentulah sekali kelak menjadi pertolongan yang besar boleh membukakan dan meluaskan lingkungan “kaki langit” yang tampak oleh hati seseorang itu serta mengubah sifat-sifat keadaan dirinya (Dipetik dari, Ungku Aziz, 1975: 64).

Begitulah penegasan Za’ba cara untuk mengubati “kemiskinan perangai” yang ketika itu begitu ketara di kalangan orang Melayu. Justeru itu, dapat kita rasai bahawa pemimpin-pemimpin Melayu mulai tahun 1970 telah bersungguh-sungguh merencanakan pendidikan – dari segi kemudahan prasarana, pemberian biasiswa, pencarian tempat belajar di luar negara, mewujudkan institusi seperti Biro Tatanegara untuk menyemaikan nilai ilmu-pengetahuan, dan sejak mutakhir ini mengemaskinikan sistem persekolahan dan sistem pengajian tinggi semata-mata untuk membolehkan anak-anak Melayu dididik dengan sempurna. Idealisme Za’ba begitu tinggi untuk menyelamatkan bangsa Melayunya dari ditindih oleh bangsa-bangsa lain. Oleh itu beliau menyeru kepada kepimpinan masyarakat Melayu supaya jangan gentar untuk melaksanakan tujuan suci memberikan jenis pelajaran yang betul pada anak bangsa sendiri.

KRITIK DAN PERBANDINGAN MENGENAI ETOS BUDAYA ETNIK MELAYU

Ketika Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein rancang melaksanakan amanah untuk membangunkan orang Melayu desa melalui *Rancangan Buku Merah* dan *Bilik Operasi Pembangunan* Ungku Aziz mengemukakan punca-punca kemunduran orang Melayu. Menurut Ungku Aziz, orang Melayu mundur kerana pengabaian penjajah, penindasan orang tengah dan ketiadaan institusi kredit untuk membantu orang Melayu. Penemuan Ungku Aziz itu telah diterima oleh kerajaan dan sebahagian daripada cadangan beliau itu dilaksanakan sejak pada pertengahan 1960an.

Setelah itu, elit politik menyahut seruan untuk terus-menerus melihat punca-punca kelemahan orang Melayu. Dan, kelihatan secara luaran dalam memperjuangkan nasib orang Melayu dalam bidang pendidikan, ekonomi dan lain-lain pembangunan sosial sememangnya bermula atau diproses oleh elit politik. Demikianlah halnya dengan gerakan revolusi mental yang dicetuskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada tahun 1960an dan diaktifkan oleh Pemuda UMNO pimpinan Dato’ Senu Abdul Rahman. Hasrat gerakan revolusi mental adalah untuk mengubah cara berfikir, pandangan dan sikap anggota masyarakat bagi menyesuaikan diri dengan masa untuk mendorong mereka lebih giat lagi merebut kemajuan dalam segala bidang hidup. Akhirnya, melalui kempen-kempen, kursus-kursus

kesedaran, Dato' Senu Abdul Rahman telah mengabadikannya dalam buku yang diberi judul "Revolusi Mental" (1971).

Dalam kata pengantar buku tersebut bertarikh 17 November 1970 Allahyarham Tun Abdul Razak menulis, "Kita sedar antara beberapa sebab orang Melayu tidak dapat menyertai dengan sepenuhnya usaha-usaha pembangunan ekonomi dan sosial ialah kemunduran daya pemikiran mereka yang berpunca daripada kekurangan pengetahuan dan dikongkong oleh hidup yang kolot." Selanjutnya Allahyarham Tun Abdul Razak mengatakan bahawa orang Melayu perlu mengubah *mind set* mereka kerana zaman moden adalah zaman perlumbaan. Katanya, "Kumpulan yang cergas fikirannya dan tangkas tindakannya pasti akan berjaya. Sebaliknya, kumpulan yang statis kerana dikongkong oleh corak hidup dan cara pemikiran yang lama akan tewas dalam perlumbaan ini." Revolusi mental yang kini sudah menjadi klasik dalam sejarah perjuangan orang Melayu menuju pemodenan mengungkapkan tentang perlunya sifat merenung ke dalam diri, bercermin melihat kelemahan pemikiran dan berusaha untuk memperbetulkannya.

"Revolusi Mental" (1971) telah mengemukakan punca kemunduran orang Melayu berpunca daripada kemiskinan jiwa bukannya kemiskinan wang. Selanjutnya buku ini menyenaraikan tujuh belas sikap buruk yang terdapat dalam nilai budaya Melayu, iaitu kurang inisiatif, kurang ingin tahu, lemah fikiran rasional, kurang keaslian, kurang imaginasi, percayakan nasib (yang telah ditentukanNya) dan lain-lain. Saranan buku ini adalah untuk mengubah nasib orang Melayu, mereka mesti mengubah cara mereka berfikir atau merevolusikan mental. Sesungguhnya buku "Revolusi Mental" (1971) ini seruan dan penunjuk jalan bagi orang Melayu mengubah cara kehidupan mereka. Ini bertepatan dengan pandangan seorang penulis dan sejarawan Thomas Carlyle yang menunjukkan cara untuk melaksanakan cita-cita perubahan dalam bukunya *Sign of the Times* (1829). Carlyle mengatakan, "Untuk mengubah dunia, untuk mengubah sesebuah bangsa, tiada orang bijak yang akan melakukannya; kecuali orang bodoh, semua orang tahu bahawa satu-satunya perubahan yang boleh berlaku sungguhpun perlahan ialah apa yang bermula dan diperkemas pada diri sendiri." Oleh itu, langkah yang dilakukan oleh Dato' Senu Abdul Rahman, Ketua Pemuda UMNO ketika itu tepat, kerana yang disasarkan adalah perubahan individu Melayu, kerana seperti kata Carlyle, perubahan besar pada bangsa hanya boleh berlaku apabila adanya perubahan dalam diri setiap individu.

Walaupun gagasan pokok untuk mengenalpasti punca kemunduran orang Melayu itu datangnya dari tokoh-tokoh yang dibicarakan di atas, tetapi kajian-kajian berbidang mikro banyak dilakukan. Antaranya, kajian Abdullah Taib (1978; 1993) mendapati orang Melayu masih mengamalkan nilai-nilai budaya tradisi. Kajian Abdullah Taib (1978) adalah mengenai interaksi sosial, etnisiti dan ideologi Islam di kalangan pelajar-pelajar Melayu di sebuah kampus universiti di Amerika Syarikat. Beliau mendapati pelajar-pelajar Melayu di kampus itu masih tebal dengan kesedaran etnisiti sehingga menyebabkan mereka mengasingkan diri daripada bergaul dengan arus perdana kehidupan Amerika kerana takut dipengaruhi oleh nilai-nilai budaya moden Barat. Pada pandangan beliau, keadaan seumpama itu berlaku kerana latar belakang pelajar-pelajar Melayu yang datang dari masyarakat majmuk sehingga terbentuknya sikap *parochialism* Melayu dan menarik diri dari bercampur dengan kumpulan-kumpulan etnik bukan-Islam.

Sehubungan dengan perkara yang dibangkitkan (tidak mahu bercampur dengan bangsa lain), Dr. Mahathir Mohamad juga pernah melahirkan kerisauannya tentang cara pelajar Melayu membawa diri mereka. Dr. Mahathir Mohamad mengatakan bahawa pelajar Melayu mesti bersikap terbuka dan mencuba untuk memahami realiti sosial yang membentuk masyarakat Malaysia. Orang Melayu khususnya pelajar tidak boleh mengasingkan diri dan meminta supaya mereka diasingkan dari bercampur dengan bangsa-bangsa lain. Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan keraguannya dengan mengatakan:

Esok bila kita keluar, kita hendak masuk masyarakat itu kita tidak tahu dan tidak mampu. Kerana kita tidak pernah lihat orang. Jadi kalau kita sukar hendak buat demikian – orang Melayu bila keluar dari institusi pelajaran maka dia akan terkapar-kapar, hendak cakap dengan orang pun tidak tahu. Kadang-kadang bila bercakap dengan orang lain tidak tahu

bahasa pun, jadi akhirnya kita dapati penuntut yang lulus dari universiti – dapat ijazah tapi tidak dapat kerja (Khalid Mohd, Zin Mahmud dan Azaman Anuar, 16 Jun 2002).

Orang Melayu dipandang rendah oleh penjajah British malah oleh orang Cina dan India sebab kemunduran ekonomi dan rendahnya pencapaian mereka dilapangan akademik. Hujah-hujah budaya bukanlah baru di Malaysia terutama yang menyangkut tentang kehidupan orang Melayu. Semasa zaman penjajah, pegawai-pegawai British telah mengecam kelas pemerintah dan orang Melayu sebagai “*deficient, carefree or indolent or unambitious, pleasure-loving or idle*” (Hirschman, 1986: 344). Sebaliknya, kaum Cina dilihat sebagai intelektual, kuat bekerja, tetapi ghairah mencari keuntungan dan ketika-ketiknya tamak (Suet-ling Pong, 1993).

Vaughan (1992) telah mencatatkan pandangan pentadbir-pentadbir British terhadap setiap kelompok etnik di Tanah Melayu ketika itu dan mereka beranggapan bahawa orang bukan-Melayu lebih kuat bekerja dibandingkan dengan orang Melayu. Dalam catatannya Vaughan (1992: 1) mengatakan:

Mr. Crawford who was Governor of this Settlement in 1823, only four years after we took possession of the island, wrote in a dispatch to the Government of India that, he estimated the worth of one Chinaman to the State as equal to two Klings or four Malays; and an experience of nearly sixty years has confirmed his valuation.

Dr. Mahathir Mohamad (1994: 77), Perdana Menteri Malaysia sejak 1981, juga mencatatkan:

Malay problems are many and varied but the ones causing the most concern are the problems which revolve around their need and their attempts to adapt to an environment of rapid change which is inconsistent with their philosophy and way of life. It is an environment not of their own creation but one which is forced upon them by factors which has slipped out of their control.

Intisari daripada hujah Dr. Mahathir Mohamad itu memperlihatkan bahawa beliau sendiri percaya bahawa kemunduran orang Melayu adalah disebabkan oleh sikap dan nilai budaya. Menurut Dr. Mahathir Mohamad, tumpuan orang Melayu pada sektor kegiatan ekonomi pertanian telah menyemaikan sikap Melayu yang selesa dengan keadaan yang ada dan tidak perlulah bagi mereka untuk bersaing dengan orang Cina. Kehidupan orang Melayu di Malaysia adalah senang, seperti kata pepatah Myanmar Utara “Geletek sahaja tanah dan ianya akan tertawa kepada tuaian” Berdasarkan kepada andaian itu, Dr. Mahathir Mohamad melihat bahawa budaya Melayu berevolusi di atas dunia yang “mencukupi untuk semua”, “sehinggakan yang paling lemah dan paling malas pun boleh hidup dalam keadaan yang selesa”, dan dalam masa yang sama juga “banyak masa terluang” sepanjang tahun terutama selepas musim menuai (Dr. Mahathir Mohamad, 1970).

Dr. Mahathir Mohamad konsisten dengan pemikirannya terhadap orang Melayu. Sehingga hari ini beliau terus percaya bahawa kemunduran orang Melayu adalah disebabkan faktor nilai-budaya. Dr. Mahathir Mohamad (2001: 6) mengatakan:

Saya banyak belajar daripada sejarah dan daripada meneliti kemajuan dan kegagalan bangsa-bangsa di dunia. Saya dapati bahawa jika kita mempunyai nilai hidup yang tidak sesuai dengan pembangunan, kita tidak akan berjaya. Nilai hidup adalah sebahagian daripada budaya. Sebab itu saya sering menerangkan tentang disiplin, kerja kuat, keikhlasan dan tentang tidak terlalu memikirkan sangat diri sendiri. Ini adalah nilai-nilai yang kita seharusnya pegang. Kalau orang Melayu berpegang kepada nilai-nilai ini, kita akan berjaya.

Dr. Mahathir Mohamad adalah tokoh Melayu yang menarik untuk diteliti pemikirannya berhubung dengan kemajuan orang Melayu. Beliau telah mengutarakan idea-idea mengenai kemajuan orang

Melayu sejak 1946 lagi dan kemuncak kritikan dan analisisnya mengenai kemunduran orang Melayu ialah di dalam *magnum-opus* beliau “Malay Dilemma” (1970). Ungku Aziz mengakui bahawa, “Apa yang dikupasnya dalam buku itu adalah idea asas kepada apa yang dia usahakan selama menjadi Perdana Menteri. Buku-buku tulisannya yang lain selepas itu hanya bunga-bunga yang menghiasi pemikirannya saja. Kalau kita mahu memahami pemikiran Dr. Mahathir, mahu tidak mahu kita harus kembali membaca “The Malay Dilemma” (Noor Azam Shairi dan Ali Mahmud, 2 November 2003). Kritikan dan analisisnya tidak tinggal begitu sahaja, tetapi beliau telah dapat menterjemahkannya kepada dasar kerajaan, kerana beliau berpeluang menjadi Ahli Parlimen, Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan akhirnya sebagai Perdana Menteri Malaysia dari tahun 1981 hingga 31 Oktober 2004, iaitu selama 22 tahun.

Beliau, semasa menjawat jawatan Menteri Pelajaran telah melakukan perubahan yang drastik berhubung dengan pendidikan Melayu, terutamanya pendidikan tinggi. Beliau telah meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti pada tahun 1974, menghantar pelajar Melayu dalam jumlah yang ramai ke luar negara (United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, Jepun dan beberapa buah negara maju) dan memulakan langkah untuk memberikan suntikan semangat melalui kursus kedewasaan (*Sensitivity Training*) bagi pelajar-pelajar Melayu (kemudiannya tertubuh Biro Tatanegara di Jabatan Perdana Menteri.).

Bila memperkatakan tentang nilai budaya orang Melayu karya-karya dan pidato-pidato Dr. Mahathir Mohamad tidak dapat dilupakan. Terutama “The Malay Dilemma” (1970). Dr. Mahathir Mohamad di dalam karya tersebut telah cuba menganalisis tentang kemunduran Melayu dari sudut warisan keturunan dan persekitaran fizikal atau *The Influence of Heredity and Environment on the Malay Race*. Walaupun idea yang dikemukakan itu sukar dibuktikan secara empirikal, tetapi agak menarik untuk direnung kerana keberanian beliau mengemukakan idea itu sehingga dapat membuka minda orang Melayu.

Teras hujah Dr. Mahathir Mohamad ialah tentang faktor yang menyebabkan kemunduran orang Melayu. Bagi beliau, puncanya ialah kerana sejak berzaman orang Melayu mengadaptasikan diri kepada persekitaran yang mudah dan ini ditambah teruk lagi oleh amalan bergenerasi berkahwin di antara satu dengan lain (kahwin sekampung, kahwin dalam lingkungan keluarga – kahwin sepupu). Dalam analisisnya itu beliau telah membuat perbandingan diantara orang Melayu dengan orang Cina.

Dr. Mahathir Mohamad melihat bahawa faktor baka dan keturunan ini penting dalam proses perkembangan sesuatu kelompok etnik. Beliau memberi penekanan pada unsur ini dengan hujah-hujah beliau:

That hereditary factors play an important part in the development of a race is an accepted fact. It does not need a scientist to point this out. Quite obviously if family characteristics are passed from father to son, racial characteristics must also be passed from generation to generation. But as racial characteristics throughout each generation are as distinguishable as family characteristics, it follows that these characteristics are hereditary ... Character, intelligence and even inclinations tend to follow those of the parents.

Dr. Mahathir Mohamad mengakui bahawa warisan baka memainkan peranan dalam menentukan perwatakan, tahap kecerdikan dan kecenderungan sesuatu kaum. Selanjutnya beliau juga membicarakan tentang perbezaan di antara seorang dengan seorang yang lain walaupun mereka berada dalam satu konteks sosial dan fizikal. Dr. Mahathir Mohamad mengatakan:

Today, man’s opportunity to learn is almost unlimited, but an individual’s capacity to learn has varying limitations. There are obviously people who can absorb more knowledge than others. And this difference appears to be an inherent characteristics.

Dr. Mahathir Mohamad juga percaya bahawa persekitaran mempunyai pengaruh yang besar kepada kehidupan manusia, beliau mengatakan:

Next to heredity, environment is the most important factor responsible for the physical, mental, and psychological development of man ... The man who survives is the man who knows how to avoid danger. And the man who can avoid all danger must of necessity be cunning and resourceful. The careless and the stupid will fall along the way.

Dr. Mahathir Mohamad percaya bahawa untuk kelangsungan dan keselamatan hidup manusia, mereka mestilah memiliki perwatakan yang kukuh dan berilmu pengetahuan. Beliau selanjutnya mengatakan:

As characteristics are transmissible generationally, it follows that man must become constantly cleverer and more adaptable to his surroundings.

Natijahnya, Dr. Mahathir Mohamad menganggap bahawa orang Melayu tidak memiliki perwatakan atau keperibadian yang kuat terutama mendepani pemodenan di negara ini. Tret-tret budaya Melayu tidak bersesuaian dengan tuntutan infrastruktur pembangunan negara. Kaum Melayu terperangkap dalam situasi ketertinggalan budaya atau *cultural lag* – iaitu situasi perubahan tidak diserasikan secara harmonis dengan perubahan sikap dan nilai budaya. Keadaan itu adalah disebabkan oleh mudahnya kehidupan orang Melayu, seperti kata Dr. Mahathir Mohamad:

No great exertion or ingenuity was required to obtain food. There was plenty for everyone throughout the year. Under these conditions everyone survived. Even the weakest and the least diligent were able to live in comparative comfort, to marry and procreate. The observation that only the fittest would survive did not apply, for the abundance of food supported the existence of even the weakest.

Sebagai perbandingan, kaum Cina adalah kaum yang bijak dan berperwatakan gagah mendepani persekitaran dan realiti baru. Bekalan kebijaksanaan dan kegagahan ini adalah kerana mereka datang dari persekitaran yang sukar sehingga menyebabkan mereka terpaksa berhijrah. Namun begitu, kesukaran yang terpaksa ditempuhi itu telah membina keperibadian yang kuat, cekal dan di atas segala-galanya membentuk pemikiran strategik. Lalu, orang Melayu kalah dalam persaingan ekonomi dan pendidikan dengan kaum Cina.

Pada pandangan Dr. Mahathir Mohamad, penjelasan dari sudut budaya ini penting dalam membandingkan ketidaksamaan pencapaian di antara kaum Melayu dan kaum Cina. Justeru itu, Dr. Mahathir Mohamad konsisten dalam kata-kata dan tindakannya bagi menangani masalah orang Melayu. Beliau juga tegas dengan pendiriannya bahawa “maju mundurnya sesuatu bangsa lebih bergantung kepada nilai hidup yang dipegang dan diamalkan oleh bangsa itu ... Apabila sahaja mereka (kaum Melayu) mengubah nilai-nilai budaya mereka, prestasi mereka meningkat” (Dr. Mahathir Mohamad, 1994).

Mutakhir ini, Dr. Mahathir Mohamad tidak lagi menggunakan pendekatan pemulihan terhadap masalah pelajar Melayu. Malah pada pandangan beliau pendekatan penguatkuasaan dan deraan perlu diperkenalkan. Justeru itu, Dr. Mahathir Mohamad telah menyarankan mulai tahun 2002 kemasukan ke universiti-universiti awam di negara ini akan berdasarkan meritokrasi (Sa’odah Elias, 2001: 1). Dr.

Mahathir Mohamad seolah-olah cemas dengan perjalanan masa yang terlalu pantas menuju tahun 2020¹. Malah seperti kata Abdul Rahman Embong:

Sekiranya tarikh ramalan hendak dijadikan ukuran, orang boleh mengatakan Mahathir secara tidak langsung cuba menyelesaikan ‘sumpah’ Za’ba pada tahun 2020, iaitu hampir 100 tahun setelah Za’ba memberi amaran (pada tahun 1927) bahawa bangsa Melayu mungkin akan luput dalam tempoh 200 tahun kalau mereka tidak mengubah diri.

Langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan nanti berkemungkinan untuk melahirkan generasi pelajar Melayu yang lebih bermotivasi untuk mencapai kecemerlangan. Dr. Mahathir Mohamad seringkali menyebut bahawa kejayaan kaum Cina dan kaum India dalam bidang pendidikan dan bidang-bidang lain adalah tanpa bantuan kerajaan.

PENUTUP

Perbincangan dalam kertas ini telah mencuba untuk mengenang kembali idea-idea yang pernah diutarakan oleh pemimpin dan intelektual Melayu yang sentiasa berusaha untuk membimbing pemikiran orang Melayu supaya aktif dan proaktif menyertai arus perdana pembangunan negara. Melalui saranan yang diutarakan oleh pemimpin dan intelektual Melayu sepanjang 47 tahun negara ini mencapai kemerdekaan orang Melayu telah mengecapi anjakan kehidupan dari ‘kesempitan’ kepada ‘sedikit keselesaan’. Namun begitu, sebagai bumiputera di negaranya sendiri orang Melayu tidak boleh alpa dengan sedikit kejayaan yang dinikmati. Mereka seharusnya boleh membina keyakinan baru untuk lebih maju. Orang Melayu sepatutnya bersyukur dan berterima kasih kerana setiap individu Melayu itu tidak keseorangan mengharungi kehidupannya di Malaysia, kerana kerajaan yang ditunangi oleh orang Melayu masih lagi kuat membela nasib orang Melayu. Cuma, orang Melayu mesti peka dengan perubahan, ikut serta dalam arus perdana yang dicorakkan oleh kerajaan, dan turut serta dalam organisasi yang memberi mereka dokongan untuk maju. Infrastruktur yang dibangunkan oleh kerajaan sejak merdeka amat membanggakan seluruh rakyat dan turut dicemburui oleh orang luar negara yang berkunjung ke negara ini. Namun begitu, seperti kata Dato’ Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Malaysia Kelima, bahawa ‘kemudahan Dunia Pertama janganlah ditunangi oleh sikap dan nilai Dunia Ketiga.’ Ini bermakna seluruh rakyat Malaysia mestilah membangunkan sikap dan nilai kehidupan yang setanding dengan kemudahan yang disediakan. Justeru itu, aspek pembangunan kualitatif mesti dibangunkan dan diperkukuh.

RUJUKAN

Abdul Latif Abu Bakar (1984). **Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Abdul Aziz (1999). **The Effect of Policy on Academic Performance and Choice of Employment**. Ph.D. Thesis (unpublished), Development Planning Unit, The Bartlett, University College London, University of London.

Abdul Rahman Embong (1999). **‘Melayu Baru’ dan Wacana Tentang Pemodenan Masyarakat Melayu**. Bangi: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdullah bin Abdul Kadir Munshi (1965). **Kesah Pelayaran Abdullah**. Singapura: Malaysia Publication Limited.

¹ Za’ba meramalkan jika sekiranya ‘penyakit’ ini tidak ‘disembuhkan’, orang Melayu memerlukan masa sekurang-kurangnya 200 tahun lagi untuk dapat melayakkan diri dengan kehendak-kehendak kemajuan. Bahkan dengan nada yang pesimis, Za’ba mengatakan bahawa dalam tempoh itupun ada kemungkinan bangsa Melayu akan ‘kalah dan terhapus oleh bangsa-bangsa lain yang cergas, rajin, pandai berniaga dan sebagainya (lihat tulisan Za’ba dalam Abdullah Hussein dan Khalid Hussain, 1974: 185 – 220).

Abdullah bin Abdul Kadir Munshi (1947). **Hikayat Abdullah**. Singapura: Malaysia Publication Limited.

Abdullah Hussein dan Khalid Hussain (1974). **Pendita Za'ba Dalam Kenangan**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Taib (1978). **Malay Students on an American Campus: A Study of Social Interaction, Ethnicity and Islamic Ideology**. Ph.D. Dissertation, University of Kentucky, 1978.

Abdullah Taib (1993). "Personaliti Tani Melayu: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya" Dalam, Mohamed Salleh Lamry dan Hasan Mat Nor. 1993. **Masyarakat dan Perubahan**. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Alatas, Syed Hussein (1972). **Modernization and Social Change**. Sydney: Angus and Robertson.

Asma Abdullah (1992). "The Influence of Ethnic Values on Malaysian Managerial Practices". **Malaysian Management Review**. Volume 27, No.1.

Chee Heng Leng and Chan Chee Khoo (eds) (1984). **Designer Genes: IQ, Ideology and Biology**. Kuala Lumpur: Insan.

Dahlan Haji Aman (1983). "Local Values in Intercultural Management". **Malaysian Management Review**. Volume 26, No. 1.

Hamdan Hassan (Pnyt) (1980). **Falsafah Takdir oleh Za'ba**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hirschman, Charles and Morrison G. Wong (1986). "The Extraordinary Educational Attainment of Asian-Americans: A Search for Historical Evidence and Explanations". **Social Forces**. 65, pp.1 – 27.

Inkeles, Alex and David, Smith H (1974). **Becoming Modern**. Cambridge, Mass.: Harvard University Press.

Khalid Mohd, Zin Mahmud dan Azman Anuar (2002). "Saya kecewa dengan Melayu," **Mingguan Malaysia**, Ahad 16 Jun.

Mahathir Mohamad, Dr. (1970). **The Malay Dilemma**. Singapore: Federal Publications.

Mahathir Mohamad, Dr. (1994). "Malay Problems in the Context of Malaysia Problems." **Sari** 12, pp. 77 – 86.

Mahathir Mohamad, Dr. (2001). Wawancara. "Mahathir Kecewa Sikap Melayu" **Mingguan Malaysia**, Ahad 22 Julai. Halaman 6,7 dan 8.

Mahathir Mohamad, Dr. (1997). **Teks ucapan utama di Kongres Kebangsaan Wawasan 2020**. Bertempat di Petaling Jaya, Selangor pada 29 – 30 April.

Noor Azam Shairi dan Ali Mahmood (2003). "Abdullah ada kekuatan," **Mingguan Malaysia**, Ahad 2 November.

Noor Azam Shairi (2002). "Menghidupkan semula revolusi mental," **Utusan Malaysia**, Selasa 25 Jun.

Parkinson, Brain, K. (1967). "Non-Economic Factors in the Economic Retardation of the Rural Malays". **Modern Asia Studies**. Volume 1, Pt.1, January.

Pong, Suet-ling (1993). "Preferential Policies and Secondary School Attainment in Peninsular Malaysia". **Sociology of Education**. 66, pp. 245 –261.

Rahimah Abdul Aziz (1997). "Transformasi Erti Pemodenan dan Pembaratan," **Pemikir**, Bil. 9, Julai - September: 33 – 60.

Sa'odah Elias (2001). "Mahathir: Drastic Steps Mulled to Change Malay Students' Mindset". **The Star**. Saturday, July 28., pp. 1.

Senu Abdul Rahman (1971). **Revolusi Mental**. Kuala Lumpur Utusan Melayu.

Shaharuddin Maaruf (1988). "Some theoretical problems concerning tradition and modernization among the Malays of Southeast Asia." Dalam, Yong Mun Cheong (editor). **Asian Traditions and Modernization: Perspectives from Singapore**. Singapore: Times Academic Press.

Shaharuddin Maarof (1988). **Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalist**. Singapore: Times Books International.

Ungku Aziz (1975). **Jejak-Jejak Di Pantai Zaman**. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Vaughan, J.D. (1992). **The Manners and Customs of the Chinese**. Singapore: Oxford University Press.